



TIMBALAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

6 Jun 2025, Geneva

KENYATAAN MENTERI PLATFORM GLOBAL UNTUK PENGURANGAN RISIKO BENCANA

Hari ini saya telah menyampaikan kenyataan rasmi Malaysia dalam **sesi Meja Bulat Menteri bertemakan “Keselamatan Sekolah”** sempena **Platform Global untuk Pengurangan Risiko Bencana** di Geneva.

Malaysia telah menegaskan komitmennya terhadap usaha memperkukuh daya tahan sistem pendidikan melalui pelancaran **Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030**, yang selaras dengan **Kerangka Sendai**. Dasar ini memberi tumpuan kepada pengurangan risiko secara menyeluruh merentas semua sektor, termasuk keselamatan dan kelangsungan pendidikan.

Antara inisiatif utama yang dikongsi termasuk pembangunan **Modul Pendidikan DRR** oleh Kementerian Pendidikan, UNICEF Malaysia dan NADMA yang akan memanfaatkan hampir **7,800 buah sekolah rendah di seluruh negara**. Modul ini menekankan pembelajaran secara pengalaman, latihan amali dan penglibatan pelajar secara aktif, selaras dengan kerangka AADMER di bawah ASEAN.

Bagi memastikan pelaksanaan yang menyeluruh, Malaysia juga meneroka kerjasama strategik bersama NGO, syarikat swasta dan GLC. Pada masa sama, **Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (Community-Based Disaster Risk Management, CBDRM)** oleh NADMA telah berjaya melibatkan hampir **44,000 rakyat Malaysia** termasuk lebih **12,000 belia** sepanjang tahun 2024.

Saya turut berkongsi inisiatif Malaysia untuk membina **Pusat Pemindahan Kekal (PPKB)** di kawasan sekolah berisiko tinggi, dengan peruntukan sebanyak **RM135 juta** daripada Kerajaan Persekutuan. Pusat

ini akan berfungsi sebagai tempat perlindungan semasa bencana dan pusat pembelajaran komuniti pada waktu biasa.

Malaysia turut menzahirkan kesediaan untuk **berkongsi kepakaran dan membina kerjasama rentas negara** dalam usaha memperkukuh keselamatan sekolah secara global. Kami percaya bahawa **pelaburan dalam daya tahan hari ini adalah perlindungan terbaik untuk masa depan anak-anak kita.**

AHMAD ZAHID HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri